

Peniaga, pengunjung tinggal sampah

Sebanyak 8.8 tan sisa buangan dibersihkan pada hari terakhir bazar Aidilfitri Lorong TAR

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
KUALA LUMPUR

Sebanyak 8.8 tan sampah berjaya dibersihkan termasuk mengitar semula 250 kilogram (kg) sisa pada hari terakhir bazar Aidilfitri di Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) selepas berakhirnya bazar Ramadan dan Aidilfitri, baru-baru ini.

Menurut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), tindakan segera pembersihan dilaksanakan bagi memastikan kebersihan ibu kota terjaga meskipun berdepan jumlah pengunjung besar sepanjang Ramadan.

“Operasi pembersihan intensif ini dilaksanakan sejurus selepas penutupan bazar melibatkan tenaga kerja DBKL dengan kerjasama Alam Flora Sdn Bhd.

“Pasukan pembersihan bertindak me-

ngutip dan mengasingkan sampah termasuk plastik, kertas dan aluminium untuk dihantar ke pusat kitar semula,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurut DBKL, tumpuan utama operasi adalah untuk memastikan kebersihan longkang, laluan pejalan kaki serta kawasan sekitar bazar bebas sisa sampah dan kekotoran.

“Langkah ini juga selaras usaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya mampan dan berdaya huni.

“Amalan menjaga kebersihan sebagai tanggungjawab bersama dan DBKL menggesa peniaga serta pengunjung mengamalkan konsep 'sifar sisa' bagi mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar.

“Kita berharap usaha ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pengurusan sampah dan kitar semula bagi menjadikan Kuala Lumpur lebih bersih dan mesra alam,” ujarnya.

Katanya, inisiatif itu bukan sahaja memastikan kebersihan kawasan tumpuan tetapi mencerminkan kesungguhan DBKL dalam memelihara keindahan bandar raya terutama di lokasi strategik yang menjadi mercu tanda utama ketika musim perayaan.



Pekerja pembersihan membersihkan siar kaki di Lorong TAR selepas berakhirnya bazar Ramadan dan Aidilfitri.